

A person in a blue suit is holding a yellow folder and a blue umbrella. The umbrella is open and covers the top half of the page. The person is holding the folder in front of them.

PANDUAN PELAKSANAAN DASAR PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

(Whistleblower Protection Policy)

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



Pelaksanaan Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat

- Saluran Aduan / Bantuan di peringkat Kementerian
- Panduan pelaksanaan

**BE DARING,
BE DIFFERENT,
BLOW THE
WHISTLE**

SALURAN ADUAN / BANTUAN DI PERINGKAT KEMENTERIAN

- Hadir ke Unit Integriti, KPWKMDi alamat:-
Aras 26,
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat,
No.55 Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya
 - Telefon : 03 – 8323 1162
(Pegawai Siasatan Suruhanjaya
Pencegahan Rasuah Malaysia yang
ditempatkan di Unit Integriti, KPWKMD)
 - E-mel : whistleblower@kpwkm.gov.my
 - Unit Integriti **akan membantu Pemberi Maklumat berhubung dengan agensi penguatkuasaan.** Dengan bantuan ini, **Pemberi Maklumat dapat menyalurkan aduan** kepada agensi penguatkuasaan serta **memohon perlindungan** daripada agensi penguatkuasaan tersebut.
 - **Siasatan perlindungan sepenuhnya penguatkuasaan** serta **akan oleh pemohonan diuruskan oleh agensi**
 - Pendedahan kelakuan tidak wajar atau aduan tindakan yang memudaratkan **boleh dipertimbangan ganjaran oleh agensi penguatkuasaan.**
- Sekiranya Pemberi Maklumat tidak dikenali, tiada perlindungan boleh diberikan kepada Pemberi Maklumat berkenaan."

JENIS – JENIS PERLINDUNGAN OLEH AGENSI PENGUATKUASAAN

- Identiti Pemberi Maklumat serta maklumat yang diberikan **adalah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa pun termasuk semasa perbicaraan di mahkamah.**
- **Tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan sivil, jenayah atau tata tertib**
- **Dilindungi daripada sebarang tindakan yang memudaratkan (kecederaan, kehilangan, kerosakan, ugutan, gangguan)**
- Perlindungan turut diberikan kepada mereka yang **mempunyai kaitan / hubungan dengan Pemberi Maklumat.**



SIAPA Pemberi Maklumat?

- **ANDA**, serta mereka yang terdiri daripada mangsa@orang yang mempunyai pengetahuan tentang sesuatu kelakuan tidak wajar



APA itu kelakuan tidak wajar?

- Apa-apa kelakuan yang jika terbukti menjadi suatu **kesalahan tata tertib @ kesalahan jenayah**, termasuklah:
 - **Rasuah**
 - **Penyelewengan**
 - **Salah guna kuasa / kedudukan**
 - **Jenayah**
 - **Salahlaku**
- Tidak dilarang oleh mana – mana undang – undang bertulis



BAGAIMANA memberi maklumat berkualiti kepada agensi penguatkuasaan?

- Maklumat yang diperlukan mestilah **lengkap dan jelas** iaitu:
 - Bila kejadian berlaku (*When*)
 - Di mana kesalahan dilakukan (*Where*);
 - Siapa yang terlibat dan yang boleh membantu (*Who*);
 - Apa kesalahan yang dilakukan (*What*);
 - Kenapa kesalahan dilakukan (*Why*);
 - Bagaimana transaksi kelakuan tidak wajar tersebut dilakukan (*How*)
 - Asas Kebimbangan
 - Dokumen yang terlibat
- **'Maklumat yang didedahkan kepada pihak selain agensi penguatkuasaan TIDAK DAPAT diberi perlindungan'**



BILA perlu memberi maklumat?

- Pemberi maklumat mempunyai kepercayaan yang munasabah bahawa mana-mana orang telah melibatkan diri, sedang melibatkan diri atau bersedia untuk melibatkan diri dalam mana-mana kelakuan tidak wajar.
- Kepercayaan diperolehi sama ada:
 - Menerusi pengetahuan sendiri
 - Menerusi maklumat sah yang diperolehi
 - Terlibat secara langsung @ tidak langsung.

APA PERLU DILAKUKAN jika Pemberi Maklumat diambil tindakan memudaratkan?

- Sekiranya terdapat tindakan diambil terhadap Pemberi Maklumat kerana pendedahan mengenai kelakuan tidak wajar tersebut, maka Pemberi Maklumat **mesti dengan segera melaporkan** kepada Pegawai Siasatan SPRM yang ditempatkan di Unit Integriti, KPWKM

APA itu tindakan memudaratkan?

- Termasuklah :-
 - Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
 - Ugutan atau gangguan
 - Gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian termasuk diskriminasi, turun pangkat, layanan buruk
 - Ancaman